
BIJAK WANG
BERSAMA PIDM

## Permainan Dalam Talian MoneySmart

PIDM membawa kepada anda Permainan Dalam Talian MoneySmart, satu aktiviti dalam talian yang mengutamakan pengetahuan dalam pengurusan kewangan dan amalan menabung. Anda boleh melalui pelbagai tahap pembelajaran menerusi pengalaman kehidupan sebenar dengan seronok lagi mencabar. Anda juga boleh menjadi seorang pemenang.

## Ganjaran wang tunai menanti anda!

**Kategori Individu**
**Hadiah pertama ~ RM3,000**
**Hadiah kedua ~ RM2,000**
**Hadiah ketiga ~ RM1,000**

**Kategori Kumpulan**
**Hadiah pertama ~ RM6,000**
**Hadiah kedua ~ RM4,000**
**Hadiah ketiga ~ RM2,000**

**2 unit komputer meja bagi sekolah pemenang di setiap zon**

**Zon Tengah**
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor

**Zon Utara**
Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak

**Zon Pantai Timur**
Kelantan, Terengganu dan Pahang

**Zon Selatan**
Negeri Sembilan, Melaka dan Johor

**Zon Malaysia Timur**
Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak

**Sertailah Permainan Dalam Talian MoneySmart!**
**Daftarlah sekarang di**
**www.pidmmoneysmart.com.my**



**Dibawa kepada anda oleh**

PIDM
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia


Azman, Vijay, Su Lin dan Dayang ialah sekumpulan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Mereka berkawan baik sejak sekolah rendah.
Ayah Azman ialah seorang Inspektor Polis. Tugas beliau adalah untuk menjaga keselamatan orang awam. Semua orang berasa selamat ketika beliau sedang menjalankan tugas!
POLIS
Ayah Vijay ialah pemilik sebuah restoran nasi kandar yang terkenal.
Bos, teh ais satu!
Ayah Su Lin ialah pemilik sebuah kedai runcit dan peralatan logam. Beliau mewarisi perniagaan ini daripada ayahnya.
Ayah Dayang ialah seorang jurujual komputer yang berjaya. Beliau menjual peralatan komputer yang bermutu tinggi dan menyediakan perkhidmatan selepas jualan dengan cekap!


Keempat-empat pelajar ini menyanjungi seseorang individu yang digelar sebagai…
Kak Fatimah bekerja sebagai seorang pengurus di sebuah bank yang terkemuka di Malaysia. Beliau berpengetahuan tinggi mengenai sistem perbankan di Malaysia.
KAK FATIMAH!
Pada suatu pagi, empat sekawan ini sedang makan sarapan pagi sambil berbual-bual bersama Kak Fatimah di restoran nasi kandar kepunyaan ayah Vijay.
Eh eh, masa berlalu dengan cepat. Hampir tamat sekolah ya?
Pernahkah kamu fikirkan apa cita-cita kamu pada masa hadapan?


Cita-cita Azman...
Restoran
Saya ingin memiliki restoran sendiri kerana saya suka makan di restoran nasi kandar kepunyaan ayah Vijay!
geram
Oh…nak bersaing dengan restoran ayah saya?
Jangan risau, Vijay. Bukankah persaingan itu bagus?
Cita-cita Vijay...
TUDM


Saya bercita-cita untuk menjadi seorang juruterbang! Saya ingin berkhidmat untuk Tentera Udara Diraja Malaysia.
Kamu nak melarikan diri daripada perniagaan ayah kamukah?
HAHAHA!
Cita-cita Su Lin...
RM
Erm… Saya ingin bekerja di bank.
...ingin menjadi seorang yang berjaya seperti Kak Fatimah!
BANK


Cita-cita Dayang...
E = Mc²
x² + y²z = z²
Saya bercita-cita untuk menjadi seorang profesor universiti kerana saya selalu mengajar kamu membuat kerja rumah!
malu...
Bagus! Adalah baik kita mempunyai cita-cita. Kamu hendaklah belajar dengan tekun untuk mencapai impian kamu.
Sudahkah ibubapa kamu mempunyai wang simpanan untuk pembiayaan pengajian tinggi? Mahal nak masuk universiti sekarang.
RM
Bank
Ya, ada. Abah baru saja buka akaun simpanan bank awal tahun ini. Dia kata simpanan di bank selamat.


RESTORAN NASI KANDAR
RM
RM
RM
Oh, ayah saya pula menyimpan wang keuntungan restoran di dalam peti keselamatan di rumah. Senang, tak payah buang masa pergi ke bank.
BURSA
Ah Pa kata dia boleh mendapat banyak wang dengan cepat daripada pelaburan pasaran saham.
RM
RM
RM
RM
Ayah pernah kata dia melabur wang dalam Skim Cepat Kaya. Tak tahu lah apa tu…
Kak Fatimah terkejut apabila mendengar kata Dayang.
Hah!!??
ahem...
Mari kita berbincang tentang cara-cara simpanan wang kamu…
PIDM
AHLI PIDM
Menyimpan wang dalam bank lebih selamat. Walaupun kadar faedah atau pulangannya lebih rendah, tetapi deposit kita dilindungi oleh PIDM.


Oh!! Ya ke? Hmm...
Jika disimpan di dalam rumah seperti kata Vijay, pencuri mungkin akan pecah masuk ke dalam rumah dan mencuri semua wang simpanan.
HA HA HA HA!
Melabur dalam pasaran saham memang menguntungkan tetapi risikonya tinggi.
Pasaran saham mungkin akan jatuh teruk dan kamu akan kehilangan banyak wang.
Dayang, Skim Cepat Kaya selalu menjanjikan keuntungan yang cepat dan lumayan supaya orang akan melabur wang mereka, tapi sebenarnya ini satu skim penipuan.
Alamak!! Betul ke?!


Oh…Kak, apa boleh saya buat?! Saya mesti beritahu ayah saya sekarang juga!
Marilah, Dayang. Biar saya hantar kamu balik ke rumah.
SETAHUN KEMUDIAN
KHIDMAT NEGARA
Azman, Vijay, Su Lin dan Dayang dipilih untuk menyertai program Khidmat Negara.


Suatu hari di kem, semasa menjalankan salah satu aktiviti di kem Khidmat Negara...
KEM PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA
Selamat Datang


Cepat! Cepat! Kumpulan kita hampir menang!


CEPAT!
Yahoo!
Kumpulan kita menang! Kita pelatih terbaik tahun ini!


Akhirnya, empat sekawan ini tamat menjalani Program Latihan Khidmat Negara!


Malangnya, terdapat berita buruk di rumah…
Hospital Besar


Ayah Azman diserang sakit jantung dan sedang dirawat di hospital.


Azman mempunyai wang simpanan yang cukup untuk membiayai pengajiannya sementara ayahnya bersara.
Nasib baik Abah membuat simpanan bulanan untuk Azman dalam akaun simpanan di bank yang dilindungi oleh PIDM.
Akaun simpanan di bank tersebut adalah selamat dan terjamin. Wang simpanan ini boleh membantu keluarga pada masa kecemasan.
Akaun Simpanan


Sementara itu, Vijay dan ayahnya...
Pencuri memecah masuk ke dalam rumah Vijay di sebelah restoran ayah Vijay dan melarikan peti keselamatan mereka yang mengandungi semua wang keuntungan perniagaan restoran.
Ayah Azman yang sedang makan di restoran ayah Vijay ketika itu cuba mengejar pencuri itu. Akibatnya, beliau diserang sakit jantung dan dihantar ke hospital.
TOLONG!
RM
Sementara itu, berlaku kemerosotan pasaran saham dan kemelesetan ekonomi. Ayah Su Lin kehilangan semua wang pelaburannya apabila pasaran saham jatuh.
Situasi bagi Dayang dan ayahnya juga tidak begitu baik. Dayang gagal menghalang ayahnya daripada melabur dalan Skim Cepat Kaya. Mereka kehilangan semua wang apabila pemilik syarikat itu melarikan diri.


Kini, mereka sedar bahawa mereka patut mendengar nasihat Kak Fatimah untuk menyimpan wang di bank yang dilindungi oleh PIDM. Ini merupakan cara menyimpan wang yang lebih selamat.
PIDM


BEBERAPA TAHUN KEMUDIAN


HA HA HA HA!
PIDM
Akhirnya, empat sekawan ini berjaya mencapai impian masing-masing.


Azman menjadi pemilik rangkaian restoran yang terkemuka.
Dia mempunyai cawangan di pelbagai negara!
AZMAN
AZMAN
RESIPI


PIDM
MEJER VIJAY
TUDM
Kini, Vijay nampak lebih segak dan tegap. Dia berkhidmat sebagai seorang Pegawai Mejer dengan Tentera Udara Diraja Malaysia.


Su Lin ialah seorang timbalan pengurus besar di sebuah bank dan bakal dinaikkan pangkat sebagai pengurus besar.
BANK
AHLI PIDM
ATM


Dayang kini seorang Profesor Madya di sebuah institusi pengajian tinggi awam.


HA HA HA HA!
Pada suatu hari, empat sekawan ini sedang berbual-bual sambil makan di Restoran Azman.
Tidak lama kemudian, kelihatan sebuah kereta buatan Malaysia yang amat canggih berhenti di depan restoran tersebut.
RESTORAN AZMAN
KAK FATIMAH!
AZMAN
WAN MIHUN
PIZZA ALI
Wah, lama tak jumpa kamu semua. Semuanya nampak gembira. Bagus tu!
Mari! Mari lihat kereta baru saya ini. Kereta pertama di Malaysia yang menggunakan sumber tenaga kitar semula - Minyak Kelapa Sawit.


Wah, canggihnya! Nampak macam sebiji kelapa sawit lah…hahaha!
Kereta ini Kak Fatimah beli daripada simpanan di bank ke? Hahaha!


Kini, mereka mengetahui cara menyimpan wang yang lebih selamat, iaitu menyimpan wang dalam bank ahli PIDM. Mereka juga menasihati keluarga dan kawan-kawan untuk menyimpan wang di bank.
Dengan menyimpan wang dalam bank ahli PIDM, simpanan mereka dilindungi oleh PIDM.
HA HA HA HA!



TAMAT

# PIDM

## Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

### Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), sebuah agensi Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, melindungi simpanan anda sehingga RM250,000 bagi setiap penyimpan di setiap bank ahli. Sekiranya berlaku kegagalan bank, simpanan anda akan dibayar balik dengan segera. PIDM juga melindungi manfaat takaful dan insurans anda, dan akan membayar balik manfaat anda sekiranya pengendali takaful atau syarikat insurans (ahli penginsurans) mengalami kegagalan.

Perlindungan ini disediakan oleh PIDM secara automatik – anda tidak perlu memohon atau membayar untuk perlindungan ini.

Untuk maklumat lanjut, hubungi kami di **1-800-88-1266**; layari **www.pidm.gov.my** atau dapatkan risalah kami dari bank, pengendali takaful atau syarikat insurans yang terdekat.

05/11